



JABATAN PERANGKAAN
MALAYSIA

Buletin Khas DOSM (BKD) yang disediakan ini adalah berdasarkan kepada kompilasi DOSM Intelligence Stats (DIS) bagi tujuan input kepada stakeholders dan agensi utama, pada setiap hari di sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). DIS disediakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia di Negeri dan juga di Ibu Pejabat yang membuat kajian ringkas berkaitan dengan perkembangan semasa dan kesannya kepada struktur sosial dan ekonomi di Malaysia.

BKD edisi kali ini merangkumi topik kajian kes impak PKP di lapangan bagi negeri Selangor, Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis.

Penafian:

Artikel dalam buletin khas ini adalah inisiatif pegawai DOSM berdasarkan pemerhatian dan pengumpulan maklumat ringkas secara ad-hoc di lapangan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Ianya tidak memenuhi sepenuhnya piawaian pengeluaran statistik rasmi negara. Justeru, kandungan buletin ini tidak boleh ditafsir sebagai statistik rasmi DOSM.

RANGKUMAN ISU:

Tinjauan berita kesan Covid-19 dan PKP



PENGUSAHA STESEN MINYAK MENGHADAPI TEMP OH SUKAR

Hasil pemerhatian dan maklumat tinjauan mendapati :

- Waktu beroperasi : 8.00 pagi sehingga 12.00 malam.
- Pengusaha stesen minyak memberi jaminan bahawa pam-pam akan kerap kali dinyahkuman dan meletakkan notis bahawa pam-pam telah dinyahkuman.
- Permintaan petrol dan diesel daripada pengguna terutamanya sepanjang tempoh PKP semakin berkurang sungguh pun harga minyak runcit mengalami penurunan semenjak 21 Mac 2020.
- Stok yang dibeli dengan harga lebih tinggi daripada harga pasaran semasa.
- Pengusaha dianggarkan mengalami kerugian:
 - Pengurangan hasil jualan : 50 - 60%.
 - Penurunan hasil jualan kedai serbaneka : 30%.

Info

penting:

Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

Bersyarat:

13 Mei - 9 Jun 2020

Fasa 1:

18 - 31 Mac 2020

Fasa 2:

1 - 14 Apr 2020

Fasa 3:

15 - 28 Apr 2020

Fasa 4:

29 Apr - 12 Mei 2020

HARGA RUNCIT PETROLEUM (Per liter) 30 Mei 2020 Hingga 05 Jun 2020

** Berkkuat kuasa jam 12.01 tengah malam



RON 95
RM 1.43

RON 97
RM 1.73


DIESEL
RM 1.61

Sumber : Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna



PERTANIAN TERJEJAS AKIBAT TEMPOH PKP

PADI



Pesawah padi di negeri Kedah

- masih belum merasai kesan PKP berikutan padi di musim yang lalu baharu sahaja dituai dalam bulan Februari 2020.
- Menunggu maklumbalas dari pihak MADA sama ada untuk meneruskan penanaman dalam tempoh PKP ini.

Keanggotaan persatuan Padi Rescue adalah para pesawah padi, pengilang dan pemborong beras serta NGO petani dan sosial. Persatuan memantau rapat perkembangan keadaan krisis wabak COVID-19 dan keterjaminan bekalan makanan negara (*food security*). Jumlah simpanan stok beras mesti ditambah agar dapat bertahan selama 6 – 12 bulan lebih-lagi dengan ramalan kemelesetan ekonomi pasca-COVID-19 di seluruh dunia.


Nilai KDNK padi Malaysia adalah RM2,407 juta (2018) dengan pengeluaran sebanyak 2.6 juta tan metrik seperti carta 1. Walau bagaimanapun berdasarkan laporan penyiasatan perbelanjaan Isi Rumah 2016, permintaan beras oleh IR adalah melebihi pengeluaran dengan nilai anggaran RM4,224.0 juta seperti dalam jadual 1. Memandangkan permintaan beras yang melebihi pengeluaran padi menyebabkan Malaysia perlu mengimport beras dari luar setiap tahun bagi menampung keperluan IR Malaysia.

Jadual 1 : Anggaran Perbelanjaan Beras oleh Isi Rumah Malaysia (IR) setahun, 2016

Item	Perbelanjaan	2016
1	Perbelanjaan purata IR sebulan (RM)	4,033.0
2	Perbelanjaan purata beras IR sebulan (RM)	44.0
	Anggaran Perbelanjaan beras untuk 8 juta IR setahun (RM juta)	4,224.0

Sumber : Anggaran berdasarkan Laporan Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah, 2016

Carta 1 : Pengeluaran padi dan nilai KDNK (pada harga semasa) padi Malaysia, 2015 - 2018



Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia, Jabatan Pertanian Malaysia

GETAH

Sebelum PKP

Hasil menoreh bagi tempoh enam (6) hari biasa 150 kg.

Pengumpulan dan penjualan getah setiap hari. Cuaca menjadi faktor pengurangan susu getah.

Harga getah skrap RM2.40/kg.

Hasil

Pengumpulan dan penjualan

Harga getah skrap

Penyelesaian

Semasa PKP


Kebanyakan penoreh getah merungut mereka tidak lagi dapat menjual getah skrap kerana kekurangan pembeli.

Pengumpulan dan penjualan getah dihadkan hanya tiga (3) kali seminggu.


Harga getah skrap juga telah jatuh kepada RM1.90/kg.

Mulai 23 Mac 2020, Lembaga Getah Malaysia (LGM) telah mengarahkan semua kilang getah beroperasi seperti biasa.

Carta 2 : Pengeluaran getah dan nilai KDNK (pada harga semasa) getah Malaysia, 2015 - 2018



Carta 3 : Peratus pengeluaran getah oleh pekebun kecil* dan estet, 2015 - 2018



Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia, Lembaga Getah Malaysia

Nota : ** Termasuk kebun kecil Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)

Carta 2 menunjukkan statistik pengeluaran getah yang semakin merosot pada tahun 2018 dan telah menjejaskan pendapatan pekebun kecil.

Carta 3 menunjukkan pengeluaran getah didominasi oleh pekebun kecil iaitu 92.1% kepada pengeluaran getah.

PERTANIAN LAIN

Cili



Kesan pelaksanaan PKP kepada pengusaha cili :

- Jualan semakin merosot hampir 50%.
- Kurangnya pembekalan.
- Sumber kewangan terjejas.
- Hasil-hasil pertanian ini tidak dapat dieksport seperti biasa.

Tembikai



Kesan pelaksanaan PKP kepada pengusaha tembikai :

- Harga tembikai jatuh kepada RM0.70/kg dimana sebelum ini RM1.40/kg oleh kerana permintaan tinggi pada musim cuti sekolah baru-baru ini.
- Jualan tembikai terjejas teruk.

Harum manis



Kesan pelaksanaan PKP kepada pengusaha Harum Manis di Perlis :

- Lebihan bekalan buah Harum Manis (Awal-pertengahan April 2020).
- Kuasa beli pengguna terhad.
- Pemberhentian aktiviti kutipan hasil pengeluaran dari pemborong
- Kebanyakan aktiviti perniagaan melibatkan pasar tani tidak dapat dilaksanakan.

Sayur & Buah-buahan



Kesan pelaksanaan PKP : Lambakan sayur dan buah-buahan di pasaran.

Penyelesaian yang memberi manfaat kepada 300,000 pengguna :

Program Pasar Agro Selangor

Agensi terlibat :

- 1) Kerajaan Negeri Selangor
- 2) FAMA


Tarikh mula : 27 Mac 2020

Konsep/Lokasi :


Penghantaran atau beli sendiri di sembilan lokasi.

Dana : RM1 juta.

Carta 4 : Peratus sumbangan padi, sayur, buah-buahan, tanaman makanan*, padi dan kepada pertanian lain, 2018



Peratus sumbangan Pertanian lain




Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia

Nota : * Tanaman makanan termasuk lada hitam, jagung, kelapa, tebu dll.

AKTIVITI PERIKANAN: PENDAPATAN PENGUSAHA TERANCAM

PERIKANAN LAUT

Kesan COVID-19 dan PKP kepada nelayan



- Aktiviti perikanan di laut oleh nelayan hanya untuk bot yang berdaftar dengan Jabatan Perikanan Malaysia sahaja.
- Nelayan di kawasan Kuala Kedah terjejas teruk. Pendapatan harian mereka merosot selepas pelaksanaan PKP.

Ramai nelayan serta ahli Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) bimbang untuk ke laut, tetapi mereka tiada pilihan. Pelantar ikan sunyi dari peraih dan pembeli. Ini menjadikan hasil tangkapan tidak dapat dijual dan nelayan mengalami kerugian.




Kesan COVID-19 dan PKP kepada penjual ikan



Hasil jualan


25%



Berlaku lambakan ikan kembung (termenung) di Kedah. Ikan dijual pada harga RM3.00/kg di kawasan Kuala Sala.

Mod perniagaan tertumpu secara atas talian dan penghantaran terus kepada pelanggan.

Sumbangan kepada sektor Perikanan, 2019



Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia

AKUAKULTUR



Penternak ikan keli, udang dan ikan air tawar memaklumkan nilai jualan telah menurun kerana tiada permintaan dari restoran yang terpaksa menutup operasi dan kurangnya permintaan pasaran tempatan.



Operasi penternakan mungkin terjejas sekiranya berlaku kekurangan stok makanan ternakan.

Pada 2019, pertumbuhan aktiviti akuakultur merosot 10.7% dan dijangkakan akan lebih teruk pada tahun 2020 kesan dari wabak Covid-19 dan PKP.



TERNAKAN MERAIH PENDAPATAN LUMAYAN

TERNAKAN AYAM DAN ITIK



Operasi penternak, peniaga ayam dan pembekal ayam segar beroperasi seperti biasa. Sungguh pun bekalan ayam segar adalah mencukupi, penternak ayam segar memaklumkan nilai jualan mereka terjejas kerana kekangan untuk memasarkan ayam ternakan secara meluas dan hanya kepada pemborong tertentu sahaja.

Penternak ayam kampung dan itik turut berhadapan nilai jualan menurun kerana kurang permintaan dari kedai makan dan juga pasar basah. Penternak itik pula memaklumkan mereka sukar mendapatkan bekalan dedak dan mengambil inisiatif menukar makanan itik kepada makanan lain seperti buah-buahan (betik) serta batang pokok sagu dan rumbia. Operasi penternakan juga turut terjejas sekiranya berlaku kekurangan stok makanan haiwan.

AYAM TELUR



Jumlah nilai jualan telur ayam yang diperolehi meningkat sehingga 90% semasa PKP. Permintaan yang tinggi ke atas telur ayam di mana stok sentiasa habis pada awal pagi. Namun penternak mengalami sedikit masalah mendapatkan bekalan dedak untuk makanan ayam yang semakin berkurangan. Hal ini disebabkan kedai menjual makanan ternakan tidak beroperasi dan masalah pengangkutan yang kini terhad.


TERNAKAN LEMBU DAN KAMBING



Penternak lembu dan kambing memaklumkan nilai jualan mereka meningkat naik sehingga 40% sejak PKP dilaksanakan kerana penjualan daging mentah yang mendapat permintaan tinggi dari penjual daging tempatan. Namun menurut, Kumpulan Ladang-ladang Perbadanan Kedah Sdn Bhd (KLPK), anak syarikat Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah, sumber makanan ternakan adalah agak terhad.

Carta 6 menunjukkan statistik ternakan ayam dan itik memberikan sumbangan yang besar dalam sub sektor ternakan dengan 60.7%, diikuti ternakan lain seperti ayam telur iaitu 31.6% dan ternakan lembu, 7.7% pada tahun 2019.

Carta 6 : Peratus sumbangan ternakan ayam dan itik, ternakan lain dan lembu kepada sub sektor ternakan, 2019



Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia